

TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR
KETUA MENTERI SABAH
MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN UPACARA PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN
AHLI-AHLI MAJLIS DAERAH TUARAN BAGI TAHUN 2020-2022,
DI GRAND BALLROOM, SHANGRI-LA'S RASA RIA RESORT & SPA, TUARAN,
29 DISEMBER, 2020

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Masidi Haji Manjun
Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Merangkap
Menteri Kewangan II

Yang Berhormat Datuk Jahid Jahim
Menteri Pembangunan Luar Bandar Merangkap
ADUN N.14 Tamparuli

Yang Berhormat Datuk Joniston Bangkuai
Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Merangkap ADUN N.15
Kiulu

Yang Berhormat Tuan Jasni bin Haji Daya
Pembantu Menteri Kewangan II
Merangkap ADUN N.13 Pantai Dalit

Yang Berbahagia Datuk Hajah Masnah Binti Matsalleh
Setiausaha Tetap Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah

Yang Berusaha Tuan Sofian Alfian Nair
Pegawai Daerah Merangkap
Pengerusi Majlis Daerah Tuaran

Ahli-Ahli Majlis Daerah Tuaran Yang Bahru

Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat bersama pada Majlis Angkat Sumpah dan Upacara Penyerahan Watikah Pelantikan Ahli-Ahli Majlis Daerah Tuaran yang Baharu Bagi Tahun 2020-2022.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada yang telah dilantik secara rasmi dan bakal menerima watikah pelantikan sebagai ahli-ahli Majlis Daerah Tuaran Baharu pada upacara hari ini. Tahniah saya ucapkan kepada Pengerusi Majlis Daerah Tuaran dan jawatankuasanya kerana telah berjaya mengadakan majlis ini.

3. Seramai 20 ahli-ahli majlis yang baharu dilantik ini, adalah pilihan yang terbaik dan gabungan pemikir yang cerdik dari empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Sulaman, Pantai Dalit, Tamparuli dan Kiulu, yang pastinya mempunyai idea yang bernas ke arah memajukan Tuaran.

4. Saya dimaklumkan ahli-ahli majlis baharu yang dilantik ini datangnya daripada pelbagai latar belakang antaranya bekas Penolong Pegawai Daerah, pesara RTM, pesara Jabatan Pendidikan Sabah, kontraktor dan juga ahli perniagaan. Kepelbagaian latar belakang ini

5. amat bersesuaian dengan peranan mereka sebagai perantara di antara rakyat dan pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah Tuaran.
6. Sehubungan itu saya berharap semua ahli-ahli majlis bekerjasama sebagai satu pasukan dan bertanggungjawab memastikan apa juga perancangan serta aspirasi kerajaan masa kini dapat dilaksanakan dengan telus dan berkesan. Mereka juga perlu lebih proaktif terutama dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.
7. Ahli Majlis perlulah melengkapkan diri dengan ilmu dan kefahaman terhadap fungsi, peranan dan tugas bagi memudahkan mereka melaksanakan kewajipan dan merancang pembangunan. Ini kerana pelantikan seseorang ahli majlis itu bertujuan membantu pihak berkuasa tempatan dalam membuat dasar, merancang dan memantau pelaksanaan program pembangunan di peringkat pihak berkuasa tempatan. Ahli majlis juga adalah barisan hadapan sekali gus perlu memahami peranan dan fungsi selain menegakkan integriti, ketelusan dan akauntabiliti awam.
8. Dalam usaha memberikan satu perubahan dalam pentadbiran dan pengurusan pihak berkuasa tempatan, tugas ahli majlis bukan setakat mendapatkan atau menerima aduan rakyat, tetapi dalam masa sama perlu mengamalkan turun padang, agar lebih jelas dengan masalah dihadapi penduduk setempat.
9. Dalam Belanjawan 2021 Sabah, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM25.5 juta untuk pelbagai kemudahan awam di 24 PBT di seluruh Negeri Sabah bertujuan memberikan keselesaan kepada rakyat. Selain itu, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM4.0 juta untuk memacu dan membolehkan daya pertumbuhan ekonomi pekan-pekan baharu.
10. Untuk memperkukuhkan daya saing PBT dari segi modal pusingan, PBT dari segi modal pusingan, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM36.53 juta caruman kepada kuasa-kuasa tempatan dalam belanjawan kerajaan pada tahun 2021.
11. Saya berharap peruntukan ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak berkuasa tempatan di negeri ini, bagi memberi perkhidmatan dan prasarana terbaik kepada rakyat.
12. Ahli majlis yang baharu bersama pihak berkuasa tempatan juga perlu bersama kerajaan dalam menjayakan pelaksanaan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ). Dalam hal ini, semua pihak yang terbabit perlu bersikap lebih peka dan proaktif dalam melaksanakan perancangan yang telah diputuskan.
13. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mahu Majlis Daerah Tuaran terus mengamalkan konsep mesra pelanggan dan sentiasa berusaha mempermudah urusan pelanggan. Pastikan pelanggan berasa seronok ketika berurusan dan puas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.
14. Saya juga mengucapkan tahniah atas kejayaan Majlis Daerah Tuaran dalam usaha menyediakan perkhidmatan dan prasarana awam yang kondusif untuk kesejahteraan rakyat di daerah ini, termasuk kepada pelancong yang singgah. Ini kerana daerah Tuaran adalah antara laluan ke utara negeri Sabah.
15. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua ahli majlis yang baharu dilantik, jalankan tugas dengan amanah.

Sekian dan terima kasih.